

AKHBAR : METRO AHAD
 TARIKH/HARI : 7 FEB 2016/AHAD
 RUANGAN : RENCANA
 M/S : 44

'SAYA MAHU JADI JURURAWAT'

Kanak-kanak Orang Asli teruja belajar di tadika



Sebelum merdeka, hanya anak orang berada mampu belajar di tadika atau tabika kerana pada waktu itu yuran dikenakan pengasas pusat pendidikan prasekolah itu sangat mahal. Malah, tenaga pengajarnya juga bekas guru sekolah rendah yang tidak bertauliah dan berpengalaman mengajar di tadika. Bagaimana pun, kini seiring peredaran zaman sistem pendidikan awal kanak-kanak melalui fasa transformasi yang semakin baik dalam melaksanakan peranannya sebagai nadi perkembangan kanak-kanak di Malaysia yang akan dikupas dalam siri Wajah Kehidupan kali ini. Malah, peluang keemasan ini turut dirasai masyarakat Orang Asli yang sebelum ini ketinggalan dari segi pendidikan prasekolah.



GAMBAR: SURIANIE MOHD HANIF

Oleh Mahaizura Abd Malik
 mahaizura@hmetro.com.my
 Sepang

"Saya mahu jadi 'nurse' (juru-rawat) sebab nak tolong orang sakit," itu kata seorang murid tabika sebaik diajukan penulis mengenai impiannya apabila dewasa kelak. Kanak-kanak berkulit hitam manis dan beram-

but kerinting itu dikenali sebagai Rosabella Shaifudin, 5, yang juga ketua kelas tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di Kampung Orang Asli Sungai Melut, Dengkil, dekat sini, berkongsi perasaannya belajar di prasekolah di perkampungan itu. Menurut Rosabella, dia gembira kerana dapat belajar di kelas berkenaan bersama rakan dan guru yang

disifatkannya sangat baik. "Best (seronok) belajar di sini, cikgu pun baik. Saya dapat mewarna, melukis dan bermain bola bersama kawan-kawan. "Bila besar nanti saya mesti jadi nurse biar orang sakit cepat sembuh," katanya. Kata-kata itu mungkin klise bagi sesetengah orang yang menganggap kanak-kanak belum cukup matang

untuk memilih kerjaya impian masing-masing. Bagi penulis, perbualan kanak-kanak itu bukan sekadar impian kosong, pasti dia sudah didedahkan kepada alam pekerjaan itu hingga menarik minatnya berkata begitu. Namun, apa yang berlegar di fikiran penulis apabila kanak-kanak sekecil ini berfikir jauh sebegini sekiranya dia tidak menjalani proses pembelajaran awal seperti di tadika? Mungkin sesetengah orang berpendapat, "aku tidak masuk sekolah tadika pun boleh jadi orang." Kata-kata itu mungkin sesuai bagi mereka yang lahir 30 atau 40 tahun lalu, namun zaman sudah berubah, peluang pekerjaan terhad dan ia mewujudkan persaingan hebat antara anak muda zaman sekarang waima ada sijil sekalipun tidak laku jika pemikiran dan kemahirannya kosong. Jadi, dapatkah dibayangkan sekiranya anak kecil yang ada sekarang tidak diberikan pendidikan awal mampukah minda dan fizikal mereka dibentuk mendepani cabaran demi cabaran di masa depan?



MAT Aji



MELAKUKAN senaman di bawah pengawasan guru.

Sejarah tadika mula bertapak di Malaysia pada 1950 selepas dibuka oleh aktivis agama Kristian sebagai sebahagian aktiviti gereja. Pada waktu itu, hampir semua tadika dimiliki individu atau agensi persendirian menyediakan pendidikan di bawah sistem pendidikan Britain hanya untuk ibu bapa yang benar-benar berkemampuan membayar yuran dikenakan. Realiti ini mengakibatkan ramai kanak-kanak berusia antara empat hingga enam tahun terutama kanak-kanak daripada keluarga miskin dan luar bandar tidak dapat ke kelas tadika untuk mengenali apa itu ABC dan 123.